

**SKIM PERKHIDMATAN
PEKERJA AWAM**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

Gred	Jadual Minimum-Maksimum		
Gred R1	: RM731.69	-	RM1797.34
Gred R4	: RM792.60	-	RM2007.76

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
 - (c) (i) tamat Darjah 6 sekolah rendah bantuan penuh kerajaan; dan
(ii) berkebolehan menjalankan bidang kerja berkaitan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R1 : RM731.69);dan (d) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas Gred R1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pekerja Awam Gred R1 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pekerja Awam boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
5. Pekerja Awam Gred R1 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

6. Pekerja Awam Gred R1 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT KE GRED R4

8. Pekerja Awam Gred R1 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pekerja Awam Gred R4 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEKERJA AWAM KHAS, PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR, OPERATOR LOJI

9. Pekerja Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pekerja Awam Khas atau Pemandu Kenderaan atau Operator Loji yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.